

06/04/2004

PM rasmi minggu saham amanah

GEORGETOWN: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2004 di Dewan Millenium, Kepala Batas, pada 20 April ini.

Perdana Menteri juga dijangka membuat pengumuman pemenang peraduan Poskad MSAM 2004 pada majlis perasmian itu. Hadiah yang menanti pemenang ialah sebuah kereta Toyota VIOS 1.5E.

MSAM 2004 adalah edisi kelima sejak diperkenalkan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) pada 2000 di Kuala Lumpur.

MSAM diiktiraf sebagai agenda tahunan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, ketika merasmikan Minggu Pelaburan Bersama PNB pada Jun 1999.

Tahun ini, MSAM mengekalkan tema `Saham Amanah - Pilihan Pelabur Bijak' dengan matlamat mendidik masyarakat agar memahami mengenai pelaburan dan hubung kait di antara risiko serta pulangan daripada pelaburan.

Selain itu, MSAM 2004 yang berlangsung dari 20 hingga 26 April itu turut memberi penekanan mengenai kepentingan perancangan kewangan.

MSAM 2004 mendapat kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan turut menyaksikan penyertaan pelbagai pihak yang mendokong industri unit amanah negara iaitu syarikat pelaburan PNB, badan-badan kawal selia, ejen Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), agensi kerajaan dan swasta serta media massa.